

BR1M, baucar ringankan beban rakyat

● GAMBAR HIASAN

PEMBACA yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel:

bhforum@bharian.com.my

SAYA merujuk kepada hasrat yang dinyatakan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak mengenai kemungkinan pemberian kali kedua Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dan baucar pendidikan khususnya kepada pelajar di institusi pengajian tinggi (IPT).

Sebenarnya rakyat amat mengalu-alukan bantuan khas oleh kerajaan dalam menghadapi kemelut ekonomi yang melanda terutama di kalangan warga berpendapatan rendah di seluruh negara.

Usaha murni ini wajar diteruskan bagi meringankan bebanan yang ditanggung terutama di kalangan sudah berkeluarga. Walaupun sesetengah pihak mempertikaikan niat mulia kerajaan untuk membantu rakyat ini, ia sebenarnya lebih baik daripada sekadar bercakap kosong, namun rakyat langsung tidak mendapat sebarang hasil positif untuk memperbaiki kehidupan.

BR1M sebenarnya banyak membantu golongan berpendapatan rendah dan tidak perlu dijelaskan di sini bagaimana bantuan itu digu-



PEMBERIAN BR1M bukti janji BN kepada rakyat ditepati.

nakan rakyat, kerana setiap bantuan haruslah digunakan secara berhemat sesuai dengan keperluan kehidupan semasa.

Begitu juga dengan bantuan baucar pendidikan kepada pelajar di IPT, walaupun banyak suara sumbang yang memperkecilkan nilai bantuan itu, sedarkah mereka betapa bernilainya baucar pendidikan itu kepada pelajar IPT dalam meringankan bebanan mereka membeli buku dan bahan pelajaran bagi meneruskan pengajian.

Di sinilah kerajaan telah membuktikan bahawa rakyat akan terus

dibantu tanpa mengira fahaman politik kerana setiap bantuan daripada kerajaan bersifat menyeluruh dan memberi manfaat yang bukan sedikit kepada rakyat yang menerimanya.

Keadaan ini bersesuaian dengan slogan kerajaan iaitu 'Janji ditepati' sesuai dengan tindakan kerajaan melaksanakan setiap janji untuk membantu rakyat tanpa menghiraukan kritikan sesetengah pihak yang sentiasa memperlekeh usaha mulia kerajaan itu.

Justeru, saya berharap Najib dapat meneruskan usaha murni beliau untuk terus memberikan

BR1M dan baucar pendidikan kepada rakyat terutama menjelang pembentangan Bajet 2013 di Parlimen nanti.

Saya berharap moga ada hadiah di dalam Bajet 2013 yang boleh meringankan hati rakyat terutama di kalangan ibu bapa kerana Ramadan dan Syawal bakal menjelma sekali gus BR1M itu boleh meringankan bebanan rakyat dalam menempuh Aidilfitri nanti.

**MUHD ARIFF
BASHIRUDDIN RUSLI,**
Universiti Sains Islam Malaysia
(USIM).